


# **KUDIS BUTA**

## **BOLEH DICEGAH**






# Apakah tanda-tanda Kudis Buta?

- Gatal di seluruh anggota, terutama pada malam hari.
- Terdapat bintit-bintit merah yang bernanah di bahagian-bahagian badan yang dijangkiti.

## Bahagian-bahagian badan yang dijangkiti:




- *Di bahagian badan, di celah ketiak, di keliling pusat.*
- *Di tangan, keliling sendi lengan dan celah-celah jari.*
- *Pada bayi, boleh juga terdapat di tapak tangan dan tapak kaki.*
- *Di bahagian punggung dan kemaluan.*
- *Di kaki dan celah-celah jari kaki.*



# Apakah yang menyebabkan Kudis Buta?

KUDIS BUTA disebabkan oleh HAMA GATAL (betina) yang mengorek di bahagian lipatan kulit dan bertelur di dalamnya. Apabila telur ini menetas, riwayat hidup anak-anak hama bermula.



*Hama Gatal dilihat di bawah kanta pembesar. (Mikroskop)*



## Bagaimana Kudis Buta merebak?

Penyakit ini mudah berjangkit dan akan merebak JIKA:

- Ada perhubungan/pergaulan yang berpanjangan dengan pengidap kudis buta.
- Tidur berdekatan dengan pengidap kudis buta.
- Tidur beramai-ramai di atas sebuah katil dengan mereka yang mengidap kudis buta seperti di asrama.
- Berkongsi tuala, pakaian, kain cadar, sarung bantal dan lain-lain peralatan sendirian.
- Bagi ibu yang mengidap kudis buta, kudis buta mungkin seterusnya menjangkiti bayi/anak.
- Kebersihan diri tidak dijaga.



# Bagaimana cara mencegah Kudis Buta?

1. \_\_\_\_\_

*Dengan mengutamakan kebersihan diri. Mandi sekurang-kurangnya 2 kali sehari dan gunakan sabun dan air bersih.*



2. \_\_\_\_\_

*Segala kelengkapan harian, seperti tuala dan baju hendaklah dijaga dengan bersih dan jangan berkongsi dengan orang lain.*



3. \_\_\_\_\_

*Basuh pakaian / cadar / sarung bantal dengan bersih dan jemur dalam cuaca yang panas terik.*







4. \_\_\_\_\_

*Tilam dan bantal hendaklah dijemur sekurang-kurangnya sekali seminggu.*



5. \_\_\_\_\_

*Buka tingkap supaya cahaya matahari dapat masuk ke dalam bilik.*



6. \_\_\_\_\_

*Jaga kebersihan kawasan sekitar rumah.*

## Apakah yang harus kita lakukan jika dijangkiti Kudis Buta?

- Jika terdapat bintit-bintit merah di celah-celah jari, segeralah ke Klinik/Pusat Kesihatan.
- Adalah perlu *seisi keluarga* mendapat rawatan serentak dengan pengidap untuk mencegah penyakit ini dari merebak.
- Ikuti semua nasihat kakitangan kesihatan supaya rawatan yang diberi akan lebih berkesan.





## Apakah akibatnya jika lewat mendapat rawatan?

- Kulit yang digaru akan pecah dan mungkin dihinggapinya pula oleh kuman, menyebabkan bahagian-bahagian ini bernanah dan boleh mengakibatkan jangkitan kulit yang lebih teruk.
- Demam dan kadangkala sakit buah pinggang boleh berlaku.





